

## **SKIM AGIHAN ZAKAT KEPADA MUALAF MENGIKUT MAQASID SYARIAH: KAJIAN DI NEGERI SEMBILAN DAN SELANGOR**

Azman Ab Rahman

Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.  
E-mel: azman@usim.edu.my.

Hairullfazli Mohammad Som

Pensyarah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.  
E-mel: hairullfazli@kuis.edu.my.

Mohd Nasir Ali

Pensyarah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.  
E-mel: mohdnasir@kuis.edu.my.

Norlina Ismail

Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.  
E-mel: linaismail29@gmail.com.

### **ABSTRAK**

*Pensyariatan zakat kepada asnaf mualaf lebih bersifat universal kerana objektifnya adalah berbeza berbanding dengan asnaf-asnaf yang lain. Bantuan yang diberikan bukan hanya untuk membasmi kemiskinan malah meliputi aspek kerohanian dan spritual. Justeru, pengagihan zakat berasaskan Maqasid Syariah adalah penting bagi memastikan agihan zakat yang diberikan menepati pensyariatan dan hikmah tuntutan zakat. Setiap skim yang disediakan perlu dinilai sama ada melengkap keperluan asnaf berasaskan maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kajian ini akan membincangkan konsep maqasid syariah dalam konteks agihan zakat. Di samping menganalisis dan menilai skim agihan zakat kepada mualaf berasaskan maqasid syariah di Negeri Sembilan dan Selangor. Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan kaedah dokumentasi. Hasil kajian mendapati secara umumnya skim-skim yang disediakan oleh Unit Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf, Majlis Agama Islam Selangor kepada mualaf keseluruhannya melengkap setiap aspek maqasid syariah. Namun, semakan semula perlu dilakukan bagi memastikan skim-skim tersebut mengikut keutamaan lima prinsip maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kajian lanjutan boleh dijalankan bagi menilai setiap skim yang disediakan kepada 7 golongan asnaf dari semasa ke semasa agar selari dengan konsep maqasid syariah yang diutamakan dalam Islam. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada Majlis Agama Islam di setiap negeri dalam melaksanakan sistem pengagihan zakat asnaf mualaf secara berkesan dan telus.*

**Kata kunci:** *Mualaf, Skim Agihan Zakat, Maqasid Syariah.*

### **1. Pendahuluan**

Zakat merupakan salah satu ibadat wajib yang disyariatkan ke atas umat Islam. Setiap umat Islam wajib mengeluarkan zakat sekiranya telah mencapai haul yang ditetapkan. Kewajipan berzakat disebutkan dalam firman Allah SWT yang bermaksud: “Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana Sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui” (al-Tawbah 9: 103).

Islam telah menggariskan hikmah dan objektif kewajipan membayar zakat khusus dalam membantu umat Islam. Zakat juga merupakan salah satu daripada rukun Islam yang memainkan peranan penting sebagai sumber ekonomi umat Islam sejak dulu hingga kini. Pengurusan zakat yang cekap, adil dan telus amat dituntut bagi memastikan matlamat pensyariaan zakat dalam Islam tercapai.

Di Malaysia sistem pengurusan zakat adalah berbeza antara negeri sama ada diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri MAIN sepenuhnya atau dikorporatkan kutipan dan agihan atau sebahagian diuruskan oleh MAIN dan sebahagian yang lain dikorporatkan (Azman A.R, Hasanah A.K, 2015). Walaupun terdapat perbezaan dari susut pengurusan tetapi matlamat adalah sama iaitu memastikan zakat diagihkan kepada golongan asnaf sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak.

Skim agihan zakat kepada muafiq juga perlu diteliti dari pelbagai aspek seperti maqasid syariah supaya dapat memastikan bantuan yang diagihkan selari dengan prinsip syarak. Justeru artikel ini akan membincangkan konsep maqasid syariah dalam konteks agihan zakat di Malaysia, di samping mengenal pasti dan menganalisis skim agihan zakat kepada muafiq berasaskan maqasid syariah khususnya di Negeri Sembilan dan Selangor. Artikel ini akan menilai sama ada skim bantuan yang disediakan mengikut keutamaan lima prinsip maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

## **2. Metodologi**

Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah kajian dokumentasi. Kaedah dokumentasi bertujuan untuk memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian. Kaedah kajian secara kualitatif ini juga bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis skim agihan zakat yang disediakan oleh unit Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muafiq, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) kepada asnaf muafiq berdasarkan maqasid syariah.

### **2.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode pengumpulan data dalam kajian ini ialah melalui kajian perpustakaan atau kaedah dokumentasi. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan tafsiran asnaf muafiq dan konsep maqasid syariah menurut pandangan para fuqaha terdahulu dan kontemporari. Kaedah ini turut mengenal pasti skim bantuan yang disediakan oleh unit Baitulmal, MAINS dan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muafiq, MAIS kepada asnaf muafiq di Negeri Sembilan dan Selangor. Kaedah ini tidak tertumpu kepada buku semata-mata, tetapi juga melalui laporan tahunan, jurnal, kertas kerja, majalah, akhbar dan laman web bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan. Data yang diperolehi dari sumber-sumber ini dikaji semula dan menjadi panduan dalam menganalisis skim agihan zakat kepada asnaf fisabilillah muafiq mengikut maqasid syariah.

## 2.2 *Metode Analisis Data*

Bagi menganalisis data, penyelidik menggunakan metode analisis deskriptif kualitatif iaitu dengan menilai mutu dan kesahihan data tersebut. Bagi menilai mutu dan kesahihan data ini adalah dengan menggunakan kaedah induktif. Metode ini adalah satu kaedah untuk menganalisa data yang terhasil melalui teori-teori dan pemikiran yang ada iaitu membuat kesimpulan yang bersifat khusus. Kaedah deduktif digunakan juga bagi menilai sama ada skim agihan zakat yang disediakan oleh unit Baitulmal, MAINS dan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf, MAIS bagi asnaf mualaf adalah berasaskan kepada maqasid syariah.

## 3. **Dapatan Kajian**

### 3.1 *Definisi Mualaf*

Mualaf menurut bahasa berasal daripada perkataan bahasa Arab '*allafa*', yang bermaksud menjadikan sesuatu angka itu seribu, mengumpulkan sesuatu antara satu dengan yang lain dan mengarang buku (Ibn Manzur, 1996). Berdasarkan Mu'jam Lughat al-Fuqaha', mualaf bermaksud seseorang yang diberi zakat untuk melembutkan hati mereka supaya memeluk Islam (Qal'aji, 2010). Menurut al-Marbawi, mualaf bermaksud orang yang baru (memeluk) Islam. Perkataan ini berasal daripada perkataan *alifa*, *ya' lifu*, *ilfan*. *Alifah* pula bermaksud suka atau gemar ia akan dia atau menjinaki. Manakala *allafa baynahum* bermaksud memperkasihkan antara mereka itu (Al-Marbawi, t.th). Manakala mualaf menurut Kamus Dewan bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam, saudara baru (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010).

Menurut Wahbah al-Zuhayli, mualaf ialah mereka yang lemah hatinya terhadap Islam, lalu diberikan zakat untuk menguatkan pegangan mereka terhadap Islam (Al-Zuhayliyy, 1996). Menurut Fiqh Manhaji, mualaf ialah mereka yang baru memeluk agama Islam (Al-Khin, 2005). Merujuk kepada definisi yang diberikan, dapat disimpulkan bahawa mualaf ialah golongan yang dijinakkan hatinya supaya cenderung dengan agama Islam atau yang baru memeluk Islam dan belum kukuh keislamannya.

### 3.2 *Konsep Maqasid Syariah*

Maqasid dalam perkataan jama<sup>c</sup> atau bererti banyak melebihi dua. Asal perkataan ialah *qasada-yaqsidu-qasdan-maqadan*. *Qasd* dan *maqsad* membawa erti yang sama, dan berasal daripada perkataan *qasada* yang bererti perjalanan yang betul (Fairuzabadi, 2007). Perkataan tersebut juga digunakan di dalam al-Quran yang bererti berpegang kepada sesuatu; mengarahkan kepada sesuatu yang lurus. Firman Allah di dalam Al-Quran:

وَعَلَى اللَّهِ فَصُدُّ السَّبِيلَ وَمِنْهَا جَائِزٌ ۖ وَلَوْ شَاءَ لَهَدَاكُمْ أَجْمَعِينَ

Maksudnya: "Dan hak bagi Allah (menerangkan) jalan yang lurus, dan di antara jalan-jalan ada yang bengkok. Dan jikalau Dia menghendaki, tentulah Dia memimpin kamu semuanya (kepada jalan yang benar)" (Surah An-Nahl 16: 9).

Tafsiran di atas merujuk kepada pengertian dari aspek Bahasa. Manakala Ibn 'Asyur mentakrifkan maqasid dari segi istilah sebagai pengertian-pengertian dan hikmah-hikmah yang

ditunjukkan oleh al-Syari' (Allah SWT) dalam semua suasana tasyric atau kebanyakannya di mana tidak hanya didapati di dalam bahagian tertentu hukum-hukum syariah sahaja (Ibn cAsyur, 1999).

Al-Raisuni mentakrifkannya sebagai matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu. Dalam konteks ini, maqasid yang dimaksudkan ialah objektif yang diletakkan oleh syara' dalam mensyariatkan hukum (al-Raisuni, 1992). Al-Duraini pula mengemukakan takrif maqasid sebagai nilai-nilai murni dan agung yang terkandung di sebalik lafaz-lafaz dan nas-nas yang merupakan sasaran dan matlamat kepada tasyri' sama ada berbentuk juz'i atau kulli (al-Duraini, 1985).

Maqasid Syariah bermaksud tujuan pensyariatan yang ingin dicapai oleh syarak berasaskan dalil-dalil kulliy untuk kemaslahatan umum. Allah SWT menjelaskan di dalam al-Quran bahawa perutusan Nabi Muhammad SAW adalah untuk kebaikan dan rahmat bagi sekalian alam, seperti dalam firmanNya:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: "Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam" (Surah al-Anbiya' 21: 107).

Maqasid Syariah yang ingin dicapai ini perlu menjadi tonggak dan hala tuju di dalam pensyariatan hukum-hakam dan ajaran Islam. Pemahaman dan penggunaan kaedah Maqasid Syariah merupakan unsur penting bagi setiap mujtahid dalam proses berijtihad dan pengaplikasian hukum syarak ke alam realiti dan kehidupan semasa, seiring dengan kehendak dan tujuan pensyariatan ajaran Islam yang diturunkan (Ahmad Wifaq, 2016).

Tinjauan terhadap kedudukan Maqasid Syariah menurut perspektif syarak menunjukkan setiap dalil syariat Islam dan hukumnya mempunyai maqasid dan matlamat yang tertentu (al-Misawi, 1998). Matlamat utama syariat Islam diciptakan adalah untuk menghasilkan kebaikan kepada manusia dan menolak keburukan daripada mereka (جلب المصالح ودرء المفاسد). Para fuqaha mentafsirkan kebaikan (Maslahah) dan keburukan (Mafsadah) di sini merangkumi aspek duniawi dan ukhrawi (Al-Shatibi, 1996).

Justeru, dalam konteks agihan zakat kepada asnaf mualaf juga perlu dinilai supaya setiap skim yang disediakan seiring dengan kehendak syarak dan dapat memenuhi setiap keperluan asnaf bagi kemaslahatan dengan menitikberatkan kemaslahatan dan keutamaan supaya dapat memenuhi keperluan mereka.

#### **4. Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf Di Negeri Sembilan Dan Selangor**

Negeri Sembilan dan Selangor memperuntukkan beberapa skim bantuan zakat bagi membantu asnaf mualaf. Antara skim bantuan yang disediakan meliputi aspek kebajikan dan pembangunan asnaf seperti bantuan keperluan asasi, keperluan pendidikan, agama, perubatan, perumahan, perkahwinan dan kebajikan asnaf mualaf.

#### 4.1 *Skim Bantuan Zakat kepada Mualaf di Negeri Sembilan*

Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah menyediakan pelbagai bentuk skim bantuan zakat mengikut keperluan asnaf mualaf di Negeri Sembilan. Terdapat sebanyak sebelas (11) skim bantuan yang disediakan kepada asnaf mualaf. Antara skim-skim bantuan zakat yang disalurkan kepada asnaf mualaf di Negeri Sembilan adalah seperti berikut:

Jadual (1): Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf di Negeri Sembilan

<b>Bil.</b>	<b>Skim bantuan zakat</b>
1.	Saguhati Kemasukan Islam
2.	Kursus Mualaf
3.	Bantuan Kebajikan Mualaf
4.	Membaiki Rumah dan Sewa Rumah
5.	Bantuan Perkahwinan Mualaf
6.	Bantuan Modal dan Perniagaan
7.	Bantuan Berkhatan
8.	Bantuan Ramadhan Mualaf
9.	Dermaisiswa Mualaf
10.	Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Mualaf (NGO)
11.	Kompleks As-Sa'adah

*Sumber: Laman Sesawang Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*

Berdasarkan Jadual (1) di atas, didapati bahawa terdapat sebanyak sebelas (11) skim bantuan yang disediakan kepada asnaf mualaf di Negeri Sembilan. Kebanyakan skim bantuan yang disediakan oleh bahagian Baitulmal, MAINS bersifat menyeluruh yang mengutamakan keperluan semasa asnaf. Skim bantuan yang disediakan mengambil kira aspek kebajikan serta pengukuhan rohani dan sosial asnaf seperti saguhati kemasukan Islam, kursus mualaf dan bantuan kebajikan mualaf. Selain itu, keperluan lain diutamakan melalui penyediaan skim bantuan zakat yang berbentuk bantuan membaiki rumah, bantuan sewa rumah, bantuan modal dan perniagaan serta bantuan perkahwinan bagi golongan mualaf yang baru memeluk Islam. Di samping itu, bantuan berkhatan, bantuan ramadhan, bantuan dermaisiswa bagi mualaf, bantuan untuk Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Mualaf (NGO) dan bantuan dana bagi pembangunan Kompleks As-Sa'adah turut disediakan oleh bahagian Baitulmal, MAINS.

Setiap skim yang disediakan oleh bahagian Baitulmal, MAINS mempunyai matlamat yang tersendiri. Antaranya skim bantuan seperti saguhati kemasukan Islam, kursus mualaf, bantuan kebajikan mualaf dan bantuan berkhatan disediakan untuk membantu memenuhi keperluan asnaf mualaf pada peringkat awal pemelukan agama Islam. Selain itu, skim bantuan perumahan seperti bantuan membaiki rumah dan bantuan sewa rumah turut disediakan bagi membantu asnaf mualaf yang tidak berkemampuan membayar sewa rumah bulanan serta membantu membaiki kediaman rumah.

Antara skim bantuan lain yang disediakan kepada asnaf mualaf termasuklah bantuan bantuan modal dan perniagaan. Skim bantuan ini merangkumi bantuan modal serta peralatan perniagaan. Bantuan ini dapat membolehkan mualaf berdikari dengan menjalankan perniagaan sendiri untuk memperoleh pendapatan yang berterusan bagi menampung keperluan dan kos sara hidup mereka. Skim bantuan perkahwinan mualaf juga diwujudkan bagi membantu mengurangkan kos perkahwinan yang perlu ditanggung oleh asnaf mualaf. Bantuan Ramadhan turut tidak terkecuali menjadi salah satu daripada skim bantuan yang disalurkan kepada asnaf mualaf bagi meraikan mereka di bulan Ramadhan seterusnya dapat membantu meringankan beban bagi persediaan kelengkapan dan sambutan Aidilfitri.

Bahagian Baitulmal, MAINS turut menyediakan bantuan berbentuk dermasiswa mualaf bagi keperluan pendidikan. Bantuan berbentuk dana kewangan turut disalurkan kepada agensi kebajikan dan institusi pendidikan seperti Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Mualaf (NGO) dan bantuan pembangunan Kompleks As-Sa'adah sebagai inisiatif untuk menjalankan aktiviti dakwah dan kebajikan dengan lebih tersusun dan memantapkan lagi institusi tersebut.

#### 4.2 Analisis Skim Agihan Zakat kepada Mualaf Berasaskan Maqasid Syariah di Negeri Sembilan

Skim bantuan zakat yang disediakan kepada asnaf mualaf di Negeri Sembilan dianalisis berdasarkan lima prinsip asas dalam maqasid al-syari'ah. Analisis ini dijalankan bagi mengenal pasti setiap skim bantuan zakat yang disediakan selari dengan aspek maqasid syariah yang diutamakan dalam Islam. Bagi menganalisis skim bantuan tersebut, penulis mengklasifikasikan jenis dan bentuk skim bantuan zakat yang disediakan kepada asnaf mualaf oleh unit Baitulmal, MAINS berdasarkan lima prinsip dalam maqasid syariah. Prinsip-prinsip tersebut adalah memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Model agihan zakat berdasarkan Maqasid Syariah diringkaskan seperti dalam Rajah (2) di bawah:

Rajah (2): Model Agihan Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah di Negeri Sembilan



Rajah (2) di atas menunjukkan Model Maqasid Syariah dalam Islam. Pengukuran berdasarkan aspek Maqasid Syariah dalam menilai sesuatu perkara termasuklah perkara berkaitan skim bantuan zakat dinilai berdasarkan lima prinsip. Prinsip tersebut adalah melalui keutamaan menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Berdasarkan analisis yang dijalankan, penyelidik mendapati sebanyak (11) jenis skim bantuan yang disediakan tersebut menepati setiap masalah mengikut keutamaan untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Berdasarkan analisis pembahagian skim mengikut maqasid syariah, penulis meletakkan skim bantuan suguhati kemasukan Islam, bantuan berkhathan dan bantuan Ramadhan di bawah masalah memelihara agama seseorang mualaf. Skim yang disediakan perlu melihat kepada kesan jangka masa panjang seseorang individu. Sebagai contoh, ketiga-tiga skim yang disediakan ini dilihat dapat membantu menguatkan kepercayaan dan keyakinan seseorang individu mualaf terhadap agama Islam. Manakala bantuan kebajikan mualaf diletakkan di bawah aspek pemeliharaan nyawa mualaf.

Berdasarkan skim bantuan pendidikan, penulis mengklasifikasikan setiap skim bantuan pendidikan yang disediakan di bawah aspek pemeliharaan akal. Ianya termasuklah bantuan yang diberikan kepada institusi dan organisasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam hal ehwal berkaitan dengan pendidikan kepada mualaf. Contohnya, kursus yang disediakan kepada mualaf, bantuan dana kepada Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Mualaf (NGO) dan Kompleks As-Sa'adah merupakan salah satu daripada indikator bagi pemantapan akidah dan pengetahuan agama Islam bagi seseorang mualaf.

Manakala bagi tujuan memelihara keturunan, skim bantuan perkahwinan mualaf sesuai diletakkan di bawah tujuan memelihara keturunan. Perkahwinan merupakan sunnah yang digalakkan bagi mereka yang berkemampuan zahir dan batin. Melalui perkahwinan juga dapat melahirkan keturunan yang berterusan sekaligus dapat mengelakkan seseorang daripada melakukan perkara yang dilarang oleh agama. Oleh yang demikian, bantuan perkahwinan diharap dapat membantu mualaf mendirikan rumah tangga dan meneruskan kehidupan serba baru setelah bergelar seorang muslim.

Selain itu, bantuan berbentuk modal perniagaan, bantuan membaiki dan sewa rumah serta bantuan dermasiswa mualaf didapati bersesuaian dalam konteks memelihara harta berdasarkan maqasid syariah. Justeru, berdasarkan analisis yang dijalankan, penulis berpendapat pendekatan Maqasid Syariah dalam setiap skim yang disediakan adalah perlu dijadikan panduan oleh semua pihak. Pendekatan maqasid syariah dalam skim bantuan zakat berfungsi sebagai parameter pengukuran keperluan dalam setiap skim bantuan zakat yang disediakan kepada asnaf mualaf. Setiap pihak yang bertanggungjawab dalam menyediakan skim bantuan zakat kepada asnaf mualaf perlu menilai dan mengutamakan penggunaan prinsip Maqasid Syariah dalam penyediaan skim bantuan zakat khususnya kepada asnaf mualaf di Negeri Sembilan.

#### **4.3 *Skim Bantuan Zakat kepada Mualaf di Selangor***

Pengurusan agihan zakat kepada mualaf di negeri Selangor adalah di bawah Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Secara umumnya, agihan zakat kepada asnaf mualaf di Selangor diagihkan melalui 14 skim bantuan zakat seperti berikut:

Jadual (3): Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf di Selangor

<b>Bil.</b>	<b>Skim bantuan zakat</b>
1.	Saguhati Hari Raya
2.	Bantuan Kewangan Bulanan
3.	Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas
4.	Bantuan Sewa Rumah
5.	Derasiswa Mualaf
6.	Bantuan Perkahwinan
7.	Bantuan Umum Pelajaran
8.	Pembinaan Rumah Individu
9.	Saguhati Galakan Saudara Baru
10.	Bantuan Modal
11.	Bantuan Perubatan Mualaf
12.	Pembinaan Rumah Berkelompok
13.	Pengurusan Jenazah
14.	Bantuan Berkhatan

*Sumber: Ensiklopedia Asnaf dan Skim Agihan Zakat di Malaysia*

Berdasarkan jadual (3) di atas, dapat dirumuskan bahawa terdapat sebanyak 14 skim bantuan zakat yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf, MAIS kepada asnaf mualaf di Selangor. Skim-skim bantuan yang disediakan merangkumi skim bantuan saguhati hari raya, bantuan kewangan bulanan, elaun kehadiran kelas agama asas, bantuan sewa rumah, derasiswa mualaf dan bantuan perkahwinan. Skim-skim bantuan lain meliputi bantuan umum pelajaran, pembinaan rumah individu, saguhati galakan saudara baru, bantuan modal, bantuan perubatan mualaf, pembinaan rumah berkelompok, pengurusan jenazah dan bantuan berkhatan.

#### **4.4 Analisis Skim Agihan Zakat kepada Mualaf Berasaskan Maqasid Syariah di Selangor**

Skim-skim bantuan yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf, MAIS akan dianalisa berdasarkan model skim agihan zakat kepada mualaf mengikut maqasid syariah. Jadual (4) di bawah menunjukkan pembahagian skim agihan zakat kepada mualaf di Selangor mengikut maqasid syariah.

Jadual (4): Model Agihan Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah di Selangor

<b>Agama</b>	<b>Nyawa</b>	<b>Akal</b>	<b>Keturunan</b>	<b>Harta</b>
Saguhati Hari Raya	Bantuan Perubatan Mualaf	Derasiswa Mualaf	Bantuan Perkahwinan	Bantuan Kewangan Bulanan
Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas		Bantuan Umum Pelajaran		Bantuan Sewa Rumah
Saguhati				Pembinaan Rumah



Galakan Saudara Baru				Individu
Pengurusan Jenazah				Bantuan Modal
Bantuan Berkhatan				Pembinaan Rumah Berkelompok
<b>5</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>5</b>

Jadual (4) menunjukkan skim agihan zakat yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muaf, MAIS kepada asnaf muaf di Selangor. Berdasarkan jadual tersebut, penulis mengklasifikasikan setiap skim yang disediakan berdasarkan lima keutamaan dalam maqasid syariah. Skim yang menepati konsep dan mengikut keutamaan maqasid syariah wajar disediakan sebagai panduan dalam sistem agihan zakat. Pembahagian skim agihan zakat perlu dilaksanakan mengikut lima kepentingan asas yang utama. Keutamaan ini berdasarkan masalah untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muaf, MAIS menyediakan sebanyak 14 bentuk skim bantuan zakat kepada asnaf muaf. Skim bantuan tersebut merangkumi bantuan kewangan asnaf, bantuan perubatan, bantuan pendidikan, bantuan modal, bantuan perkahwinan dan saguhati bagi asnaf muaf yang baru memeluk Islam. Berdasarkan pembahagian skim mengikut aspek maqasid syariah, penyelidik mendapati terdapat 5 skim bantuan yang disediakan menepati aspek pemeliharaan agama. Skim-skim bantuan tersebut adalah seperti saguhati hari raya, elaun kehadiran kelas agama asas, saguhati galakan saudara baru, pengurusan jenazah dan bantuan berkhatan. Manakala skim bantuan perubatan muaf dilihat bertepatan dengan tujuan memelihara kemaslahatan nyawa. Di samping itu, penulis mengklasifikasikan beberapa skim yang dilihat menepati aspek pemeliharaan akal, iaitu dermasiswa muaf dan bantuan umum pelajaran. Bagi aspek pemeliharaan keturunan, terdapat 1 skim yang dikategorikan di bawah aspek ini, iaitu skim bantuan perkahwinan. Berdasarkan aspek pemeliharaan harta, terdapat 5 skim bantuan yang menepati aspek tersebut iaitu bantuan kewangan bulanan, bantuan sewa rumah, pembinaan rumah individu, bantuan modal dan pembinaan rumah berkelompok.

#### ***4.5 Analisis Perbandingan Skim Agihan Zakat Kepada Muaf Mengikut Maqasid Syariah Di Negeri Sembilan Dan Selangor***

Berdasarkan analisis rajah (2) dan jadual (4), penyelidik mendapati skim bantuan dalam aspek pemeliharaan agama, akal dan harta mendominasi berbanding aspek pemeliharaan nyawa dan keturunan. Merujuk kepada aspek pemeliharaan **agama**, sebanyak tiga (3) skim diperuntukkan oleh unit Baitulmal, MAINS iaitu skim bantuan saguhati kemasukan Islam, bantuan berkhatan dan bantuan Ramadhan. Manakala terdapat lima (5) skim bantuan diperuntukkan oleh Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muaf, MAIS iaitu saguhati hari raya, elaun kehadiran kelas agama asas, saguhati galakan saudara baru, pengurusan jenazah dan bantuan berkhatan. Manakala dari sudut pemeliharaan **nyawa**, unit Baitulmal, MAINS masing-masing menyediakan satu (1) skim bantuan yang berbeza iaitu unit Baitulmal, MAINS menyediakan bantuan kebajikan muaf dan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muaf, MAIS menyediakan bantuan perubatan muaf.

Selain itu, MAINS memperuntukkan sebanyak tiga (3) skim dan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf, MAIS menyediakan sebanyak dua (2) skim yang dapat diklasifikasikan di bawah aspek pemeliharaan **akal**. Skim bantuan yang disediakan oleh MAINS di bawah aspek ini adalah bantuan kursus mualaf, bantuan bagi Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan bantuan khusus untuk institusi dakwah seperti Kompleks As-Saadah. Manakala Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf, MAIS menyediakan skim bantuan seperti dermasiswa mualaf dan bantuan umum pelajaran. Walaupun skim-skim bantuan yang disediakan dilihat berbeza, namun matlamat adalah sama iaitu untuk tujuan pemeliharaan akal.

Di samping itu, terdapat satu (1) skim yang sama antara MAINS dan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf, MAIS iaitu skim bantuan perkahwinan mualaf bagi tujuan memelihara **keturunan**. Bagi tujuan pemeliharaan **harta**, MAINS menyediakan sebanyak tiga (3) skim bantuan berbentuk bantuan modal dan perniagaan, bantuan membaiki rumah atau bantuan sewa rumah dan bantuan dermasiswa mualaf. Manakala Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf, MAIS memperuntukkan lima (5) skim bantuan bagi tujuan yang sama iaitu skim bantuan kewangan bulanan, bantuan sewa rumah, pembinaan rumah individu, bantuan modal dan pembinaan rumah berkelompok.

Justeru, berpandukan analisis yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa pendekatan Maqasid Syariah sebagai parameter pengukuran keperluan dalam setiap skim bantuan zakat yang disediakan kepada asnaf mualaf adalah sesuai untuk dilaksanakan. Pihak berwajib perlu menilai dan menitikberatkan penggunaan elemen maqasid syariah dalam setiap skim bantuan yang diperuntukkan kepada asnaf mualaf khususnya di Negeri Sembilan dan Selangor serta umumnya di Malaysia.

## 5. Penutup

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa kelima-lima prinsip dalam Maqasid Syariah iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta merupakan aspek-aspek yang perlu dipenuhi bagi membentuk individu dan masyarakat yang berpandukan kepada prinsip dan syariat Islam. Dalam konteks sistem agihan zakat, maqasid syariah memainkan peranan penting dalam mengukur keberkesanan sesuatu bantuan yang disalurkan dan meningkatkan kepercayaan dan pendirian asnaf mualaf terhadap agama Islam. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, pihak Baitulmal MAINS dan Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf, MAIS telah menyediakan pelbagai skim bantuan yang bertepatan dengan Maqasid Syariah. Namun, cadangan penambahbaikan boleh dilakukan bagi memastikan skim-skim bantuan yang disediakan mengikut keutamaan berdasarkan prinsip maqasid syariah di samping dapat menambah baik skim-skim bantuan sedia ada bagi memastikan agihan zakat kepada asnaf mualaf lebih bersifat menyeluruh dan seimbang. Ianya dapat dilihat dari sudut keupayaan sesuatu skim yang disediakan dalam membantu memenuhi dan melengkapi, serta meningkatkan taraf sosioekonomi asnaf berpandukan konsep maqasid syariah. Diharapkan dengan hasil analisis skim agihan zakat kepada mualaf mengikut maqasid syariah di Negeri Sembilan dan Selangor ini dapat dijadikan panduan kepada Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia dalam menentukan skim bantuan zakat berdasarkan maqasid syariah.

## Rujukan

### Buku

- Ahmad Wifaq Mokhtar. 2014. *Maqasid al-Syariah I'nda al-Imam al-Syafi'i*. Qaherah: Dar al-Salam.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. 1993. *Al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al 'Arabi.
- Al-Khin, Mustafa; Al-Bugha, Mustafa; Al-Sharbajiy, Ali. (2005). *Fiqh Al-Manhaji: Manhaj Fiqh As-Syafie*. Jilid II. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa Ibn Muhammad al-Iakhmi. 1997. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Azman Ab Rahman & Hasanah Abd Khafidz. 2015. *Ensiklopedia Asnaf dan Skim Agihan Zakat di Malaysia*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM. Cetakan pertama.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Makran Ibn Manzur al-Afriqiyy al-Misriyy. (t.th). *Lisan al- 'Arab*, Beirut: Dar al-Bayrut.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan Muhammad Muhyu al-Din 'Abd 'Aziz (ed.).1977. *I'lam al-Muwaqqi'in 'An Rabb al-'Alamin*.Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, Abdullah Ibn Ahmad Ibn Muhammad al-Maqdisiyy. 1992. *al-Mughniyy 'ala mukhtasar al-Kharqiyy*. Sunt. 'Abd al-Salam Muhammad 'Ali Shahin. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibn Rusyd, Muhammad Ibn Ahmad Al-Qurtubiyy. 1996. *Bidayat al- Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. j.2, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid et. al. 2012. *Maqasid Al-Syari'ah*. Selangor: IIUM Press.
- Mohammad al-Tahir al-Misawi. 1998. *Ibn 'Asyur wa Kitabuhu Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*, Kuala Lumpur: Dar al-Basyair li al-Intaj al-Ilmi.
- Mohammad al-Tahir al-Misawi. 1998. *Ibn 'Asyur wa Kitabuhu Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*, Kuala Lumpur: Dar al-Basyair li al-Intaj al-Ilmi.
- Mohd Fikri Che Hussain. 2012. *Pengenalan Ilmu Maqasid Syariah*. Johor Baru: Perniagaan Jahabersa.
- Mujaini Tarimin. 2006. *Golongan Penerima Zakat : Agihan Dana Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Qal'ajiyy, Muhammad Rawas. (2010). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*. Beirut: Dar an-Nafaes.
- Uwais, Abd al-Halim. 2004. *Mausu'ah al-Fiqh al-Islamiyy al-Mu'asir*. c.1. Mansurah: Dar al-Wafa.
- Wan Mohd Nasir bin Wan Abd Wahab. 2012. *Maqasid Syariah: Objektif Hukum-Hakam Islam*. Selangor: PSN Publications Sdn Bhd.
- Yusuf al-Qaradawi. 1993. *Madkhal li Dirasat al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut : Muassasah al-Risalah.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2014. *Maqasid Al-Syariah Satu Pengenalan Umum*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.

### Jurnal

- Azman, Ab Rahman. Mohammad, Alias, Syed Mohd Najib, Syed Omar. 2012. *Zakat Institution in Malaysia: Problems and Issues*. GJAT. Vol 2 No.1, hlm 35-41.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2009. *Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia : mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati ?* Jurnal Syariah. Vol 17 No.1, hlm 89-112
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2010. *Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia*. Jurnal Pengurusan JAWHAR. Vol.4. No.1. 2010. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

### **Kertas kerja**

- Ahmad Wifaq Mokhtar. 2016. *Parameter (al-Dhawabit) Maqasid al-Shariah Dalam Pentadbiran Negara*. Kertas kerja Seminar Nasional Maqasid Al-Shari'ah 2016: Maqasid al-Shariah & Fiqh Demokrasi. Shah Alam.
- Ahmad Wifaq Mokhtar. 2016. *Prinsip-Prinsip Asas Maqasid Al-Syariah: Pendekatan Al-Syatibi*. Seminar Maqasid Al-Shariah 016. Selangor: Institut Darul Ehsan.

### **Internet**

- Skim Pelaksanaan Agihan Dana Zakat Mengikut Asnaf di Negeri Sembilan.  
<http://www.mains.gov.my/skim-agihan-zakat> (diakses pada 28 Ogos 2015).